



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Buletin

Rabiul Akhir 1447H/Oktober 2025

ACIS

Masjid Jantung Komuniti Muslim

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Kesiapsiagaan Mengorak Langkah ke Menara Gading



Oleh:

Siti Hajar Sopia Binti Amran

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Simboliknya, bulan Oktober pada setiap tahun menjadi realiti yang terujakan hati penuntut mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Manakan tidak, setelah berhempas pulas di menengah rendah dan tinggi, akhirnya berjaya menempatkan diri di salah sebuah tempat pengajian untuk menggulung segenggam ijazah. Debaran kian terasa tatkala menunggu keputusan UPU yang diumumkan hasil dari jerit perih yang dicurahkan sekian lama. Inilah yang digelar momen terindah kehidupan dalam perjalanan awal menuju pendakian kejayaan. Tidak dilupakan juga, berkat doa dari orang yang tersayang menjadi salah satu pemangkin kejayaan anak mahasiswa yang baru mengorak langkah dalam dunia pendidikan. Sungguhpun begitu, dunia pendidikan banyaklah onak durinya sebelum keberhasilan kemenjadian manusia.

Antara cabaran dan ketersediaan yang perlu ada pada mahasiswa adalah:

Persediaan fizikal dan mental

Rata-rata mahasiswa mengalami culture shock kerana belum lagi terbiasa dengan rutin kehidupan yang baru. Budayanya sudah jauh berbeza dengan alam persekolahan yang dipenuhi dengan peraturan. Gaya hidup yang lebih bebas menjadi rutin mahasiswa pada setiap hari. Tiada siapa yang melarang tindak tanduk di alam universiti. Malah, mahasiswa boleh memilih untuk hadir atau tidak ke kuliah serta memilih untuk berpakaian sopan dan kemas atau sebaliknya. Inilah yang menjadi dilema bagi setiap pelajar.

Oleh itu, penting semasa di bangku persekolahan lagi, pelajar perlu didedahkan dengan gaya hidup di alam universiti. Sudah tentu, pihak sekolah mahupun ibu bapa memainkan peranan penting dalam menganjurkan seminar atau ceramah bagi menyiapkan mental pelajar tentang peringkat kehidupan perjalanan kejayaan selepas alam sekolah.

Bina hubungan yang positif

Permulaan mengorak langkah ke alam yang baru sudah tentu belum menemui sahabat yang sekufu pemikirannya. Justeru, pemilihan sahabat merupakan langkah yang

penting dalam membina karakter mahasiswa yang berdisiplin atau sekadar main-main dalam menempuh alam pengajian. Sahabat yang cakna selalunya akan sentiasa menasihati antara satu sama lain supaya sentiasa memaknai alam pendidikan. Terimalah setiap nasihat dan teguran dengan hati yang terbuka jika ia membawa kepada kebaikan.

Sahabat yang selalu menasihati ialah sahabat yang peka dengan kehidupan di alam universiti. Tersilap langkah, maka kelamalah masa depan bagi sesetengah individu. Teguran yang membina juga menggantikan moral support yang diperlukan oleh setiap mahasiswa dalam meniti arus kejayaan di alam yang baru ini. Buanglah segala hasad dengki yang bermaharaja di hati kerana tujuan utama menjejak kaki ke menara gading adalah untuk mencapai kejayaan di masa depan yang lebih cerah.

Bijak menguruskan kewangan

Setiap mahasiswa mempunyai persediaan kewangan yang berbeza dalam meneruskan kehidupan di alam universiti. Ada pelajar mampu untuk berbelanja sehingga RM30 setiap hari, malah ada juga pelajar yang hanya boleh menghabiskan sebanyak RM10 sahaja untuk perbelanjaan harian. Oleh itu, berbelanja secara berhemah supaya perut dapat diisi sebaiknya daripada menahan lapar yang berterusan. Pada tahap ini, mahasiswa seharusnya mempunyai kesedaran diri bahawa tidak boleh boros dan tidak mengikuti gaya hidup mewah kawan-kawan yang lain. Malah di peringkat universiti sudah ada program infak serta permohonan bantuan zakat untuk pelajar yang kurang berkemampuan. Rebutlah program seumpama ini, selain dapat menambahkan ilmu, perut juga terisi. Gaya hidup yang mewah bukanlah objektif utama pelajar ditempatkan di pengajian tinggi. Ia adalah untuk membina peluang kejayaan di masa mendatang.

Akhir sekali, perjalanan menuju kejayaan penuh dengan onak-duri yang memerlukan persiapan diri yang kental dan semangat juang yang tinggi sehingga disahkan bergraduasi. Yakinlah setiap usaha yang dicurahkan pasti ada hasilnya. Jadilah mahasiswa yang sentiasa melangkah dengan sabar, berdo'a dan bertawakal kepada Yang Esa.

**Selamat menjalani sesi kuliah Oktober 2025-
Februari 2026 kepada warga kampus UiTM Seremban!**